

26 FEB 1997

Abdullah-Myanmar

MYANMAR SEDIA TERIMA PULANG PENDATANG JIKA SAH TARAF KERAKYATAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Myanmar bersedia mengambil balik pendatang tanpa izinnnya yang berada di negara ini sekiranya dapat dibuktikan kesahihan taraf kerakyatan mereka, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Katanya perkara itu disampaikan kepada beliau oleh Timbalan Perdana Menteri Myanmar Naib Laksamana Maung Maung Khin pada pertemuan mereka semalam.

"Maung Maung Khin menyatakan kepada saya bahawa Myanmar bersedia mengambil balik pendatang berkenaan dan yang pentingnya perlu dibuktikan terlebih dahulu bahawa mereka ialah rakyat Myanmar," katanya di sini selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman bagi projek pembinaan sebuah stesen janakuasa menggunakan arang batu di Kazakstan.

Abdullah berkata proses menentukan taraf kerakyatan mereka yang terbabit diserahkan kepada pihak berkenaan.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta kerajaan Myanmar membantu Malaysia menghantar pulang 8,000 rakyat negara itu yang memasuki negara ini secara tidak sah.

Malaysia menghadapi masalah menghantar mereka pulang kerana Myanmar tidak menganggap mereka sebagai warganegarannya. Kebanyakan daripada mereka dipercayai tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan dan perjalanan yang sah.

Abdullah yang mengakui bahawa proses untuk mengenalpasti mereka sebagai rakyat Myanmar agak rumit, berkata: "Caranya ialah tidak semestinya dengan menunjukkan mereka ada dokumen (yang sepatutnya) kerana mereka sudah tidak ada dokumen berkenaan."

Beliau bagaimanapun berkata prinsipnya ialah Myanmar perlu mengambil balik pekerja tanpa izin setelah mereka dikenalpasti sebagai rakyat negara itu.

"Saya menyatakan kepada Maung Maung Khin bahawa jika pendatang berkenaan mengakui mereka dari Myanmar, ada kawan, kampung dan boleh bertutur bahasa Myanmar, tentulah mereka orang Myanmar.

"Nak tunjuk dokumen apa lagi sebab dokumen sudah dirosakkan setelah mereka ditipu ejen-ejen yang membawa mereka masuk ke negara ini," kata Abdullah.

Abdullah bagaimanapun menegaskan bahawa beliau tidak mempertikaikan keikhlasan Myanmar berhubung kesediaan negara itu mengambil balik rakyatnya.

Ditanya mengenai hasrat Filipina menubuhkan sebuah konsulat di Sabah, Abdullah berkata perkara itu disampaikan kepada beliau oleh Menteri Luar Filipina Domingo Siazon pada pertemuan mereka di Singapura baru-baru ini.

Katanya Malaysia menyambut baik usaha itu dan terpulang kepada kerajaan Filipina untuk menentukan bila ia akan dilaksanakan.

MoU itu ditandatangani antara rakan kongsi konsortium yang diketuai Malaysia dan kerajaan Kazakstan yang diwakili Menteri Tenaga dan Industri Kayu Arang Victor Khrapunov.

Pembinaan kilang berharga AS\$1.3 bilion (RM3.25 bilion) itu dijangka dilaksanakan dalam masa tempoh kurang dari 10 bulan dari sekarang dan disiapkan dalam dua tahun. -- BERNAMA

MAM RON